

**Aspek Tatabahasa****D Lengkapi petikan dengan kata sendi nama yang betul. 5.1.4 (iii)**

Pada hujung minggu yang lalu, Vivian mengikuti bapanya ke majlis perkahwinan masyarakat Melayu _____ Taman Bahagia. Tempat itu tidak jauh _____ rumahnya.

Vivian berasa terpegun apabila melihat keunikan baju pasangan pengantin tersebut. Pengantin perempuan memakai baju kebaya yang diperbuat _____ kain songket, manakala pengantin lelaki memakai baju Melayu yang turut menggunakan material yang sama. Pengantin perempuan kelihatan sungguh cantik kerana memakai cucuk sanggul di kepala.

Vivian sangat suka _____ suasana di majlis perkahwinan itu kerana sungguh meriah. Terdapat bunyi paluan kompang. Pasangan pengantin diarak dan diiringi dengan bunga manggar menuju ke pelamin.

Apabila tiba di rumah, Vivian mengucapkan terima kasih _____ bapanya kerana telah membawanya ke majlis tersebut. Vivian bercadang untuk memakai pakaian tersebut _____ hari pakaian tradisional yang akan dianjurkan di sekolahnya kelak.

**5.1.4 (iii)** Memahami dan menggunakan kata tugas mengikut konteks; kata sendi nama.